

Bahasa Dan Kesusasteraan Melayu Telah Jadi Kajian di Universiti-Universiti Dunia

“Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia adalah satu-satu digunakan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi oleh lebih daripada 110 juta manusia di kedua negara. Bahasa dan kesusasteraan Melayu dan Indonesia bukanlah alat politik tetapi alat kebudayaan 110 juta manusia, kedua negara ini. Sebab itu ia layak dikaji berdasarkan politik kedua negara” – kata Tuan Syed Nasir bin

Ismail Pengerusi Jawatankuasa Pusat Bulan Bahasa Kebangsaan di Istiadat Menyampaikan Hadiah dan

Upacara Penutup Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat Kebangsaan di Balai Budaya di Kuala Lumpur pada 3 September 1966.

Di antara lain-lain seterusnya Tuan Syed Nasir berkata:

“Saya suka menegaskan bahawa Gerakan Bahasa Kebangsaan belumlah tamat. Mungkin gerakan bulan bahasa seperti yang telah kita jalankan semenjak beberapa tahun ini tidak akan diadakan lagi dengan cara itu tetapi gerakan dalam bentuk dan cara yang lain pastilah tetap akan diadakan juga hingga Bahasa Kebangsaan benar-benar memenuhi peranan dengan seluas-luasnya sebagai bahasa perantaraan umum, bahasa rasmi di seluruh pertadbiran, bahasa kebudayaan dan bahasa ilmu pengetahuan di dalam kehidupan kebangsaan kita. Peraduan-peraduan dan pertandingan-pertandingan antara pejabat, antara jabatan dan antara kementerian adalah salah satu cara gerakkan baru yang mungkin dilancarkan. Dan saya yakin juga gerakkan-gerakkan serupa ini akan dapat dijalankan oleh pihak-pihak di luar kerajaan seperti pihak-pihak perusahaan dan perniagaan, pihak kesatuan sekerja serta kelab-kelab dan persatuan-persatuan orang ramai.

“Sepanjang-panjang malam pertandingan peringkat kebangsaan yang diadakan selama

13 malam yang lalu dan juga pada malam ini tuan-tuan dan sebahagian besar penduduk ibu kota di antara lain telah dapat menyaksikan betapa orang-orang muda kita, lelaki dan perempuan dari berbagai-bagai kaum bersyarah, berbahas, berbual dan menyanyi dalam Bahasa Kebangsaan. Jika kita perhatikan gaya dan cara mereka bercakap dan berbahas itu nyatalah kepada kita bahawa mereka mempunyai kesanggupan dan kebolehan yang amat tinggi. Mereka dapat menjadikan penuntut dan pendengar yang tidak pernah kurang dari seribu jumlahnya tiap-tiap malam di Balai Budaya ini merasa gembira, geli hati, bersemangat, dan ada masanya penuntut-penuntut tidak sedar air mata mereka keluar oleh sedih atau terlalu suka.

“Ini membuktikan bahawa orang-orang muda kita itu bukan sahaja tahu Berbahasa Kebangsaan tetapi juga tahu berfikir dan merasa dengan Bahasa Kebangsaan. Kesanggupan menguasai bahasa yang setinggi itulah yang menjadi cita-cita kita. Kita ingin melihat seluruh bangsa Malaysia ini mempunyai kesanggupan demikian. Dan kita berhajat akan tiba masanya

contoh-contoh yang ditunjukkan oleh orang-orang muda kita dalam pertandingan-pertandingan ini, akan menjelma menjadi kenyataan dalam parlimen, mahkamah -mahkamah, majlis-majlis, mesyuarat, perjumpaan-perjumpaan ramai, kuliah-kuliah universiti, kelas-kelas di dalam sekolah bahkan di kedai-kedai kopi serta di pasar-pasar, atau di padang-padang golf sekalipun.

“Bahasa bukanlah untuk alat perhubungan pengertian antara kita senegara dan sebangsa sahaja. Kita adalah bangsa dan negara yang merdeka dan berdaulat, mempunyai tempat dan kedudukan kita yang sah dan dihormati dalam kalangan bangsa-bangsa sedunia. Untuk memberikan penghormatan dan penghargaan yang sewajarnya kepada kita, bangsa-bangsa lain haruslah mengenal kita sedalam-dalamnya. Kita tidak akan cukup dikenal dari keadaan luar sahaja, dari kemakmuran dan kemajuan atau dari getah dan bijih timah sahaja. Kita harus dikenal juga dari peribadi, dari sejarah perjuangan kita sebagai satu bangsa di dunia ini.

Bangsa-Bangsa Mengambil Tempatnya

“Zaman ini ialah zaman kebangunan

Muka surat 25

bangsa-bangsa yang pernah terjajah di Asia dan Afrika, zaman bangsa-bangsa Asia dan Afrika mengambil tempatnya yang hak di antara bangsa-bangsa yang berdaulat dunia. Pandangan dan tafsiran bangsa-bangsa penjajah terhadap orang-orang Asia dan Afrika mahu tidak mahu terpaksa dikaji semula dan dinilai semula.

“Dalam hal ini bahasa dan kesusasteraan bangsa-bangsa Asia – Afrika menjadi bahan yang amat penting. Bahasa Kebangsaan kita, iaitu Bahasa Melayu serta kesusasteraannya, lama dan baharu, mulai dianggap sebagai mutiara yang terpendam di dasar lautan, sedang diselam dan dicari oleh berbagai-bagai bangsa di dunia barat dan timur.

“Adakah kita akan berhenti dari gerakan Bahasa Kebangsaan ini, manakala seluruh dunia sedang menumpukan sepenuh perhatian kepadanya? Saya katakan dengan tegas di sini: Gerakan Bahasa Kebangsaan dalam berbagai-bagai cara dan bentuk akan tetap diteruskan.

“Selain dari England dan Belanda hampir semua negeri-negeri besar di Eropah dan Amerika serta Jepun, China, Korea, Australia dan juga Rusia sekarang sedang mengkaji bahasa dan kesusasteraan Melayu di universiti-universiti mereka. Tetapi oleh kerana Bahasa Melayu ialah bahasa gugusan pulau-pulau Melayu atau bahasa seluruh nusantara, (dan Indonesia ialah salah satu dari negara-negara dalam nusantara selain dari Malaysia yang

menghidupkan dan mendukung bahasa ini dan juga dengan rasmi menjadikannya Bahasa Kebangsaan) maka hampir seluruh dunia sekarang orang mengkaji bahasa dan kesusasteraan kita dari dua jurusan. Mereka membahagikan pengajaran dan pengkajian bahasa dan sastera Indonesia.

“Pandangan seperti ini dengan mudah dapat kita ertikan sebagai hasil dari pemikiran politik. Ini tidak kita sukai kerana di samping perpisahan politik, kita dan Indonesia sentiasa berusaha untuk menyatukan pemakaian dan perkembangan bahasa di kedua negara. Sekarang ini, dengan berakhirnya konfrontasi maka kedua negara sedang bersiap sedia untuk menyambung



Seorang wakil UMNO dari Ulu Langat sedang mengemukakan beberapa cadangan di dalam persidangan UMNO yang ke-19 yang telah diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

semula usaha penyatuan bahasa yang telah dimulai dengan aktif semenjak sebelum perjanjian persahabatan Malaya/Indonesia tahun 1959 sedang itu.

Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia adalah satu, digunakan sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi oleh lebih 110 juta manusia di kedua negara. Bahasa dan kesusasteraan Melayu dan Indonesia bukanlah alat politik tetapi alat kebudayaan 110 juta manusia di kedua negara. Oleh sebab itu ia tidak layak dikaji berdasarkan kedudukan politik negara.

Pemisahan pengajian Bahasa Melayu/Indonesia di luar negeri dan juga pandangan lama yang berdasarkan pengajian hal-hal timur dari kaca mata barat sudah tiba masanya untuk dihapuskan.

Kongres Bahasa

“Saya bercadang supaya pihak lembaga tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu menganjurkan satu kongres antarabangsa dalam bulan Ogos tahun 1967 kelak. Semua universiti serta pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan yang ada hubungan dengan pengajaran dan pengkajian bahasa dan sastera Melayu/Indonesia di seluruh dunia akan dijemput.

“Soal ini akan dikemukakan kepada kerajaan untuk mendapat persetujuan dan bantuan serta kepada badan-badan yang berkenaan seperti universiti dan lain-lain, sebaik-baik

sahaja selesai saya bincangkan cadangan ini dengan ahli-ahli lembaga tetap kongres yang saya menjadi pengurusnya.

“Kongres itu pada peringkat kebangsaannya akan membincangkan langkah-langkah seterusnya mengenai pemakaian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal, pengajarannya dalam sistem pelajaran rendah dan tinggi, pelaksanaannya dalam penyebaran dan kemajuan kebudayaan, pertadbiran dan ilmu pengetahuan. Juga akan ditinjau usaha-usaha selanjutnya mengenai penyatuan semula dengan Bahasa Indonesia.

“Pada peringkat antarabangsa akan dibincangkan soal-soal pemerintahan pengkajian tentang bahasa dan sastera kita itu dari Kuala Lumpur dan Jakarta, iaitu dari bumi tumbuhnya bahasa dan sastera itu sendiri, dan bukannya semata-mata dari Leiden atau London. Pandangannya dan cara pengkajiannya haruslah dari kaca mata yang objektif bukannya dari kaca mata sarjana-sarjana barat yang kebanyakannya tidak dapat melepaskan diri mereka dari tradisi kesarjanaan (*scholarship*) dunia barat. Juga soal pandangan dari segi pemisahan kedudukan politik kedua negara di nusantara ini (Malaysia dan Indonesia) akan dikaji, supaya dunia antarabangsa sedar bahawa soal bahasa dan sastera Melayu dan Indonesia adalah soal yang harus dipandang dari segi kebudayaan dan sejarah bangsa manusia nusantara dan bukannya

dari segi kedudukan politik negara-negara di nusantara.

“Saya memang mengharapkan supaya rancangan besar lembaga tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ini akan mendapat persetujuan serta kerjasama kerajaan dan badan-badan yang penting seperti universiti dan maktab-maktab. Tetapi saya sengaja mengumumkan rancangan tersebut di dalam majlis ini semata-mata kerana hendak membuktikan bahawa perjuangan dan pergerakan Bahasa Kebangsaan belumlah tamat walaupun Bahasa Kebangsaan kita ini dengan izin Allah Subhānahu wa Ta‘ālā pasti akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal bagaimana pastinya matahari terbit pada 1 haribulan September tahun 1967 hadapan.”

Kata Tuan Syed Nasir yang kemudian mengakhiri ucapannya dengan ucapan terima kasihnya kepada pihak-pihak yang berkenaan menjayakan bulan bahasa itu.

Aurat Perempuan

Berhubung dengan kesempitan ruangan, maka makalah mengenai “aurat perempuan Islam di dalam dan di luar sembahyang” tidak dapat kami siarkan dalam bilangan ini.

Harap maaf!